

NO. SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 31 MAC 2015

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang diberikan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dan berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk pelajar-pelajar tersebut daripada semua badan Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara pada tahun 2014 adalah seramai 821 orang.

Antara program yang ditaja adalah Program Lepasan Bursary, Program Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis dan Jerman, Program Universiti Terkemuka dan Program Pelajar Cemerlang.

Purata kos penajaan setahun bagi seorang pelajar tajaan luar negara adalah antara RM38,115 hingga RM363,844 mengikut negara dan bidang pengajian.

Sekian. Terima kasih